

Beli 50 Pesawat Boeing

MAB meterai perjanjian bernilai RM22.44b selaras pelan pemulihan berterusan

Syarikat penerbangan Malaysia Airlines Berhad (MAB) memeterai perjanjian dengan pengeluar pesawat Boeing bagi pembelian 50 pesawat Boeing 737 MAX bernilai RM22.44 bilion (AS\$5.5 bilion), Menerusi perjanjian itu, sebanyak 25 pesawat adalah tempahan pasti manakala selebihnya hak pembelian dengan penyerahan dibuat bermula pada 2019.

Ketua Pegawai Eksekutif MAB Peter Bellew berkata, langkah berkel1aan disifatkan sebagai pemangkin perubahan dengan pendekatan menerusi kos lebih rendah dan berkesan serta kecekapan lebih tinggi.

"Malah, keupayaan jarak jauh menerusi penerbangan Boeing 737 MAX, syarikat dapat menghubungkan penumpang ke lebih banyak destinasi dengan pesawat lebih selesa.

"Ditambah dengan ciri-ciri pesawat ini antaranya kemudahan Internet serta tempat duduk dengan ruang luas untuk kaki memberi keselesaan kepada penumpang sepanjang penerbangan," katanya pada majlis menandatangani perjanjian antara MAB dan Boeing yang disaksikan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan Pengerusi MAB, Tan Sri Md Nor Yusof di sini, semalam.

Pada majlis itu, MAB diwakili Bellew manakala Boeing diwakili Naib Presiden Kanan Pemasaran Asia Pasifik dan India, Dr Dinesh Keskar. Dalam pada itu, Bellew berkata, Boeing 737 MAX yang bakal digunakan kelak akan memberi penjimatan sehingga 40 peratus bagi penggunaan bahan api, selain menawarkan 12 peratus lebih ruang tempat duduk.

"MAB kini berada di landasan betul dalam pertumbuhan lebih baik di ASEAN justeru, tempahan pesawat ini akan meletakkan piawaian baharu dalam pelan pemulihan berterusan MAB untuk 10 tahun akan datang," katanya.

Menerusi pembelian berkenalan, Malaysia akan menerima pesawat campuran dengan varian 737 MAX 9 dan 737 MAX 8. Syarikat penerbangan itu kini beroperasi menggunakan hampir setiap varian kumpulan pesawat 737 serta menerima serahan ke-100 pada Disember 2014. Pada masa ini, MAB beroperasi membabitkan 56 pesawat 737-800.

SUMBER : HARIAN METRO | M/S: 58 | 28 JULY 2016